

BAB 3: METODOLOGI

3.1 PENGENALAN

Penyelidik telah mengadakan beberapa pertemuan dengan Dr Tan Kay Teh yang disusun oleh setiausaha alumni Universiti Nanyang untuk menyempurnakan kajian ini. Antara pertemuan yang dilakukan, dua daripadanya telah digunakan untuk menjalankan sesi temubual dengan setiausaha dan juga setiausaha sukarela bagi alumni tersebut. Sesi temubual yang dijalankan bertujuan untuk memahami maklumat-maklumat tentang penganjuran peraduan penulisan cerpen tersebut serta mengetahui latar belakang tentang Universiti Nanyang yang telah ditutup oleh kerajaan Singapura. Pertemuan-pertemuan yang telah diwujudkan bertujuan untuk mendapatkan dokumen-dokumen, berita silam, series buku yang pernah diterbitkan, sejarah bagi penganjuran peraduan penulisan cerpen, laporan minit mesyuarat dan maklumat-maklumat lain yang diperlukan.


Penyelidikan ini merupakan satu kajian deskriptif mengenai metafora kata nama dan kata sifat. Pendekatan penyelidikan yang digunakan ialah triangulasi. Triangulasi ini dipilih kerana kajian ini menggunakan gabungan beberapa pendekatan iaitu 1)temubual, 2)kajian teks dan 3)analisis data. Penyelidik menggunakan pendekatan-pendekatan ini untuk mengkaji dimensi masalah


kajian. Dengan menggunakan triangulasi, penyelidik dapat mengetahui dengan jelas pelbagai perspektif mengenai gambaran sebenar fenomena yang dikaji.

Buku Cerpen *Universiti Nanyang 2006* (南大微型小说选) dikaji sebagai satu teks. Dalam buku ini, terdapat 23 cerpen yang dihasilkan oleh 22 penulis di mana seorang penulis telah menyumbangkan 2 cerpen. Dengan bantuan yang diberikan oleh setiausaha Alumni Universiti Nanyang (南大校友会秘书), Cik Fong Mei Ki (方美琪小姐) dan Dr Tan Keng Teh (陈庆地博士), buku-buku cerpen terbitan bagi tahun-tahun lepas berjaya dikutip oleh penyelidik untuk mengetahui perkembangan penulisan cerpen-cerpen selama ini. Temubual dapat dijalankan atas kerjasama Cik Fong dan Dr Tan.

3.2 PROSEDUR KAJIAN

Untuk menjalankan kajian, penyelidik mengikut prosedur-prosedur kajian. Prosedur kajian ini terbahagi kepada beberapa langkah-langkah.





Sebelum menjalankan kajian, penyelidik mengenalpasti sampel kajian. Penyelidik telah memilih buku cerpen *Universiti Nanyang 2006* sebagai sampel kajian kerana buku ini merupakan buku yang terbaru bagi terbitan University Nanyang pada tahun 2006. Sampel kajian ini dipilih kerana penyelidik berminat dalam penulisan cerpen dan ingin meneroka kemahiran dan teknik baru dalam penulisan cerpen. Penyelidik percaya bahawa selepas mengalami beberapa langkah ini, penyelidik dapat didedahkan kepada idea dan teknik yang baru untuk membuat kajian terhadap metafora.

Penyelidik telah menggunakan sebanyak enam bulan untuk mengumpulkan semua data yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Dokumen-dokumen rasmi dan tidak rasmi dari Alumni Universiti Nanyang dapat dikumpulkan oleh penyelidik untuk tujuan menganalisisakan tujuan penganjuran pertandingan penulisan cerpen ini. Keratan akhbar, pandangan pengadil dan catatan minit mesyuarat dapat dikumpulkan untuk kegunaan penyelidikan kerana

pandangan para pengadil akan mempengaruhi gaya dan tema yang dipilih oleh cerpenis untuk mengkarya cerpennya. Penyelidik menjalankan kajian perpustakaan dengan meninjau kepada kajian-kajian silam yang berkaitan dengan kajian ini.

Temuduga dijalankan antara penyelidik dengan setiausaha dan setiausaha sukarela alumni Universiti Nanyang. Sebanyak 2 temuduga dijalankan untuk mendapat maklumat tentang latar belakang alumni Universiti Nanyang dan juga mengenai peraduan penulisan cerpen tersebut.

Penafsiran dan penerangan data dilakukan dengan kaedah kualitatif dan juga kuantitatif. Satu kesimpulan dihasilkan berdasarkan analisis dan sudut perbincangan diwujudkan.

3.3 SAMPEL KAJIAN

Dalam penyelidikan ini, sebanyak 23 buah cerpen yang terdapat dalam buku cerpen *Universiti Nanyang 2006* (南大微型小说选) telah dipilih untuk dijadikan sampel bagi kajian ini. Tajuk cerpen dan penulis adalah seperti yang tersenarai di bawah:

Jadual 3.1: Senarai tajuk cerpen yang dikaji dan nama penulisnya.

	Tajuk Cerpen	Nama Penulis
1	叶亚来之“死” Kematian Yap Ah Loy	谢增英 Xie Zeng Ying
2	永远的满天星 Baby's Breath Yang Abadi	梁国蓉 Liang Guo Rong
3	意外 Kemalangan	邓丽思 Deng Li Si
4	电梯 Lif	许为春 Xu Wei Chun
5	狗的颜色 Warna Anjing	谢增英 Xie Zeng Ying
6	迟到 Lambat	陈宏富 Chen Hong Fu
7	流失 Kehilangan	洪祖秋 Hong Zhu Qiu
8	神秘的身世之迷 Latar Belakang Yang Misteri	徐晓萍 Xu Xiao Ping
9	大叔公 Pak Long	林建荣 Lin Jian Rong
10	倒数的温柔 Kelembutan “Count Down”	余玉婷 Yu Yu Ting
11	寻找疯子 Mencari Orang Gila	王振平 Wang Zhen Ping
12	停播 Henti Siaran	郑世忠 Zheng Shi Zhong

13	刻 印 Kesan Cop	陈 富 雄 Chen Fu Xiong
14	母 亲 的 梦 Mimpi Ibu	陈 丽 丝 Chen Li Si
15	同 根 Sama Akar	刘 玉 玲 Liu Yu Ling
16	寻 觅 Pencarian	夏 惠 芳 Xia Hui Fong
17	生 肖 Zodiak	黄 怀 乐 Huang Huai Le
18	转 角 Selekoh	胡 耀 仪 Hu Yao Yi
19	春 天 里 的 秋 天 Musim luruh yang berada dalam musim bunga	张 代 文 Zhang Dai Wen
20	悲 伤 的 摩 天 轮 Ferris Wheel Yang Sedih	周 锦 聪 Zhou Jin Cong
21	最 后 一 程 Perjalanan Yang Terakhir	何 俊 毅 He Jun Yi
22	断 手 Patah Tangan	林 振 耀 Lin Zhen Yao
23	上 课 Pergi Kuliah	陈 钧 钰 Chen Jun Yu

Jumlah cerpen yang dihantar untuk menyertai peraduan penulisan cerpen yang dianjurkan oleh alumni Universiti Nanyang pada tahun 2006 sebanyak 155

buah cerpen. Menurut buku cerpen *Universiti Nanyang 2006 (v)* , peserta-peserta adalah dari seluruh Malaysia (Jadual 3.2).

Jadual 3.2: Jumlah peserta yang menyertai peraduan penulisan cerpen dan tempat asalnya. (Yang:2006:v)

Tempat	Jumlah Peserta	Jumlah cerpen yang diterima	Peserta yang menghantar dua cerpen
Selangor, Kuala Lumpur	36	50	14
Negeri Sembilan, Melaka, Johor	41	51	10
Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis	21	28	7
Pantai Timur	7	8	1
Sabah, Sarawak	12	18	6
Jumlah	117	155	38

Peserta-peserta yang menyertai peraduan ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori umur. Latar belakang penulis adalah berkaitan rapat dengan isu atau tema yang disentuh melalui cerpen. Analisis pekerjaan para peserta juga telah dicatat pada buku tersebut. (Yang:2006:v) (Jadual 3.3).

**Jadual 3.3: Analisis latar belakang peserta peraduan penulisan cerpen
Universiti Nanyang 2006.(v)**

Gender	Lelaki	62 orang
	Wanita	55 orang
Umur	23 ke bawah	40 orang
	24-55	63 orang
	56 ke atas	14 orang
Pekerjaan	Pelajar	38 orang
	Guru	22 orang
	Kerani	8 orang
	Pesara	12 orang
	Staf Media	10 orang
	Penulis bebas	4 orang
	Peniaga	5 orang
	Suri rumah tangga	2 orang
	Lain-lain	16 orang

Peserta-peserta berasal dari golongan yang berlatar belakang berbeza. Ini menyebabkan cerpen-cerpen yang didapati dalam buku cerpen *Universiti Nanyang 2006* beraneka tema. Pekerjaan, umur dan pengalaman hidup yang

berbeza boleh mempengaruhi pandangan terhadap sesuatu perkara berlainan dan penekanan dalam kehidupan juga berbeza.

3.4 KAEDAH MENGUMPUL DATA

Pengumpulan data dilakukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai latar belakang peraduan cerpen yang dianjurkan oleh alumni Universiti Nanyang. Buku-buku lepas yang telah diterbitkan oleh alumni ini telah dikumpulkan untuk dijadikan rujukan tambahan. Selain itu, dokumen-dokumen lepas yang berkaitan juga dikumpulkan. Semua data ini dikumpulkan melalui setiausaha alumni Nanyang Universiti.

Data dikumpulkan daripada 4 sumber.

1. Buku Cerpen Universiti Nanyang

Buku Cerpen *Universiti Nanyang 2006* (2006 年南大微型小说选) dijadikan teks kajian. Buku ini merupakan sasaran kajian penyelidikan. Buku cerpen yang lain yang diterbitkan oleh Universiti Nanyang juga dijadikan rujukan untuk menjalankan penyelidikan.

2. Rekod-rekod pendapat para pengadil

Rekod-rekod pendapat para pengadil bagi pertandingan tersebut pada tahun 2006 dikumpulkan. Rekod-rekod para pengadil pada tahun

sebelum 2006 juga dicari dan dijadikan rujukan. Penyelidik memerlukan pandangan para pengadil untuk dijadikan rujukan semasa membuat analisis terhadap cerpen-cerpen yang dikaji.

3. Dokumen-dokumen silam Persatuan Alumni Universiti Nanyang

Pertandingan ini telah diadakan selama 18 tahun. Dokumen-dokumen silam Persatuan Alumni Universiti Nanyang dikumpulkan supaya latar belakang persatuan ini dan objektif mengadakan pertandingan ini dapat diketahui. Dokumen-dokumen silam ini dapat membantu penyelidik lebih memahami pegangan dan misi untuk mewujudkan peraduan penulisan cerpen ini.

4. Laporan akhbar

Akhbar mengenai berita pertandingan tersebut dan menyeru masyarakat Cina di Malaysia supaya menyertai pertandingan tersebut dengan aktif didapati. Keratan akhbar yang berkaitan dikumpulkan bagi tujuan kajian. Laporan akhbar merupakan salah satu sumber bagi penyelidik untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan peraduan ini. Maklumat yang terdapat melalui akhbar ini dijadikan rujukan kepada penyelidik.

3.5 KAJIAN PERPUSTAKAAN

Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang berkaitan dengan cara membuat penyelidikan terhadap kajian ini. Kaedah ini adalah untuk memerhati kajian-kajian silam yang telah dilakukan oleh penyelidik lain di mana kajiannya juga berdasarkan satu teks. Selain itu, penyelidik membuat kajian perpustakaan terhadap kajian-kajian lain, laporan-laporan, jurnal-jurnal, buku-buku ilmiah lain yang terutamanya melakukan penyelidikan di bidang metafora dan cerpen. Dengan menjalankan kajian seperti ini penyelidik mendapat idea membentuk rangka kajian bagi penyelidikan ini.

Terdapat 4 jenis sumber data digunakan untuk menjalankan kaedah kajian perpustakaan ini.

1. Buku-buku rujukan

Buku-buku yang membincangkan metafora dan cerpen serta kelas kata dijadikan rujukan bagi penyelidik untuk mencari teori-teori yang bersesuaian bagi penyelidikan. Terdapat banyak jenis buku yang tertulis dalam bahasa Malaysia, bahasa Cina dan juga bahasa Inggeris yang menyentuh tentang bidang metafora, cerpen dan kelas kata. Penyelidik didedahkan lebih mendalam dengan pengumpulan bagi jenis metafora dan asal-usul dan latar belakang metafora. Selain itu, sejarah perkembangan bagi genre cerpen dapat diketahui oleh penyelidik sama ada di China, Negara Eropah dan juga

di Malaysia seperti cerpen bahasa Malaysia, bahasa Tamil dan juga bahasa Cina.

2. Buku-buku ilmiah

Terdapat kajian-kajian ilmiah yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan ini. Jenis kajian ini boleh dikategorikan kepada tiga jenis. Yang pertama ialah buku ilmiah yang mengkaji metafora. Terdapat kajian yang mengkaji metafora di bidang SMS, lirik lagu, iklan dan lain-lain. Yang kedua ialah mengkaji kelas kata dan yang ketiga ialah kajian yang melakukan penyelidikan terhadap cerpen. Terdapat agak banyak kajian yang mengkaji cerpen. Pengkaji-pengkaji melakukan kajian terhadap tema cerpen, watak cerpen, aspek semantik cerpen dan juga metafora dan bentuk figuratif yang terdapat dalam cerpen.

3. Artikel-artikel

Artikel yang membincangkan penggunaan metafora dan cerpen juga digunakan dalam kajian penyelidikan ini. Cara untuk mempersembahkan idea dan isi kandungan akan dijadikan rujukan bagi penyelidik.

4. Jurnal-jurnal

Jurnal-jurnal yang berkaitan dengan metafora, kelas kata dan cerpen dirujuk oleh penyelidik.

3.6 TEMUBUAL

Temubual bersemuka telah dipilih untuk penyelidikan ini kerana terdapat maklumat yang tersirat yang tidak tercatat dalam dokumen silam. Maklumat yang tersirat adalah seperti prinsip alumni Nanyang Universiti ingin memberi sumbangan kepada masyarakat melalui peraduan penulisan cerpen untuk melahirkan cerpenis yang berpotensi. Beberapa temubual individu dilakukan antara penyelidik dengan setiausaha dan setiausaha sukarela dari alumni Universiti Nanyang. Temubual bersemuka dipilih kerana kaedah ini kadar responnya lebih tinggi berbanding temubual tidak bersemuka. Selain itu soalan yang kabur dapat penyelidik jelaskan kepada responden. Penyelidik cepat mendapat maklumat dan boleh memperoleh maklumat yang lebih mendalam.

Kajian temubual ini dilakukan secara informal dan juga secara formal. Secara informal setiausaha bagi alumni dijemput untuk menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan alumni Universiti Nanyang dan juga latar belakang mengenai peraduan penulisan cerpen yang telah dijalankan selama 18 tahun. Secara informal, setiausaha alumni Universiti Nanyang membantu penyelidik untuk mengatitkan satu temubual dengan setiausaha sukarela alumni Universiti Nanyang. Masa dan tempat diatur oleh beliau dan rakaman pita dibenarkan oleh setiausaha sukarela tersebut.

3.6.1 TEMUBUAL SECARA INFORMAL

Penyelidik telah mewujudkan satu temubual secara informal dengan setiausaha alumni Universiti Nanyang yang bernama Fong Mei Ki pada hari 18 Februari 2008 dan lokasinya di pejabat alumni Universiti Nanyang.

Nama : Fong Mei Ki 方美琪

Tempat: Pejabat Alumni Universiti Nanyang

No 47, Jalan Bukit 11/2,

46200 Petaling Jaya,

Selangor.

Tarikh:18/02/2008

Masa: 11.00 am

Disebabkan ini merupakan kali pertama penyelidik berjumpa dengan setiausaha alumni Universiti Nanyang, maka temubual ini juga tidak dirancang sebelum ini. Cik Fong telah memberikan penyelidik satu set buku yang diterbitkan oleh alumni Universiti Nanyang yang merupakan cerpen bagi peraduan penulisan cerpen yang dianjurkan oleh alumni tersebut. Selain itu, majalah-majalah, dokumen-dokumen serta minit mesyuarat yang berkaitan dengan peraduan tersebut juga dipinjam oleh Cik Fong kepada penyelidik. Penyelidik telah mengambil kesempatan ini mengadakan satu temubual secara

tidak formal dengan Cik Fong dan beberapa soalan yang mudah telah ditanyakan kepada Cik Fong.

Berasaskan temubual dengan Cik Fong, tujuan Universiti Nanyang menganjurkan peraduan penulisan cerpen ini adalah untuk menggalakkan perkembangan penulisan sastera bahasa Cina di kalangan masyarakat orang Cina. Genre cerpen dipilih untuk peraduan adalah disebabkan cerpen sebagai sejenis genre yang moden yang lebih mudah ditulis.

Selain itu, melalui temubual yang telah dijalankan dengan Cik Fong, didapati Alumni Nanyang telah ditubuhkan sejak awal lagi iaitu pada 1960-an. Menurut Cik Fong, peraduan ini bukan sahaja terbuka kepada bangsa Cina untuk menyertai tetapi juga menerima penyertaan dari bangsa lain asalkan karya cerpen tersebut mesti ditulis dalam bahasa Cina. Walaupun Universiti Nanyang hanya wujud selama 25 tahun sahaja tetapi alumni Universiti Nanyang adalah sangat aktif dalam pelbagai aktiviti-aktiviti sosial dan kebudayaan seperti pesta nyanyian dan sebagainya.

Tidak boleh dinafikan bahawa selepas 18 tahun peraduan ini dianjurkan, ramai cerpenis bahasa Mandarin Malaysia dapat dilahirkan. Usaha untuk meneruskan perjuangan mengembangkan penulisan cerpen dapat dijalankan.

Temubual ini tidak dirakamkan kerana diadakan tanpa dirancang di mana penyelidik hanya ingin mengetahui lebih lanjut mengenai alumni Universiti Nanyang.

3.6.2 TEMUBUAL SECARA FORMAL

Selepas satu temubual yang informal dengan Cik Fong, penyelidik meminta pertolongan Cik Fong untuk mengaturkan satu temubual yang formal dengan setiausaha sukarela bagi alumni Universiti Nanyang. Cik Fong berkata bahawa setiausaha sukarela iaitu Dr. Tan Kay Teh yang merupakan bekas graduan bagi Universiti Nanyang. Satu temubual yang formal telah diaturkan pada 24 hari Februari 2008, pukul 11:30 pagi, di pejabat alumni Universiti Nanyang di mana jamuan untuk meraikan Tahun Baru Cina juga diadakan pada hari dan tempat itu. Dr. Tan merupakan Professor di Universiti Multimedia. Beliau telah mengizinkan penyelidik merakamkan proses temubual ini. Beberapa soalan telah ditanyakan kepada beliau.

Nama : Tan Kay Teh 陈 庆 地

Tempat: Pejabat Alumni Universiti Nanyang

No 47, Jalan Bukit 11/2,

46200 Petaling Jaya,

Selangor.

Tarikh:24/02/2008

Masa: 11.30 am

Maklumbalas dari temubual dengan Dr Tan mendapati Universiti Nanyang hanya wujud selama 25 tahun. Universiti ini terpaksa ditutup kerana pada masa itu Singapura melaksanakan pendidikan bahasa Inggeris. Ini menyebabkan Universiti Nanyang yang berlandaskan bahasa Cina adalah bercanggahan dengan dasar kerajaan di Singapura dan terpaksa ditutup.

Menurut Dr Tan, Universiti Nanyang didirikan pada tahun 1956 dan ditutup pada tahun 1980. Walaupun Universiti ini telah ditutup oleh kerajaan tetapi graduan dari Universiti Nanyang bersatu padu dan masih aktif menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh alumni Universiti Nanyang ini.

Alumni Universiti Nanyang didirikan di banyak negara. Contohnya di Malaysia, Singapura, Australia dan sebagainya. Mereka kebanyakan telah menjadi golongan profesional di masyarakat. Contohnya: Dr Lin Ming Fa (林明法博士) merupakan Profesor Madya di Fakulti Sains Universiti Malaya, pada tahun 1990, Dr Yan Qing Huang (颜清煌博士) merupakan ketua pejabat sejarah di Hong Kong Universiti.

Peraduan penulisan cerpen ini diadakan pertama kali pada tahun 1989 kerana pada masa itu Pesta Kesusasteraan dan Kebudayaan dianjurkan bagi kali pertama. Alumni Universiti Nanyang dijemput untuk menyertai pesta ini dengan dipertanggungjawabkan menganjurkan satu peraduan penulisan genre

sastera. Universiti Nanyang memilih cerpen sebagai genre yang dipertandingkan kerana genre lain telah dipilih oleh persatuan yang lain.

Menurut Dr Tan, syarat peraduan tersebut berubah sedikit pada tahun 2000 di mana jumlah cerpen dihadkan dari 2000 patah perkataan bertukar kepada 1500 patah perkataan. Dr Tan berkata bahawa cerpen dalam lingkungan 1500 patah perkataan adalah lebih sepadan dengan genre cerpen.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan peserta yang menulis cerpen yang bertema dengan bangsa Cina lebih kerap mendapat anugerah. Selain menimbangkan topik dan tema, cara persembahan bagi cerpen dan penggunaan diktion juga diambil kira. Semua ini akan diputuskan oleh pengadil-pengadil. Terdapat cerpen yang tidak menyentuh isu dengan bangsa Cina mendapat anugerah juga.

Memang adalah benar berkata bahawa harapan Alumni Universiti Nanyang terhadap peraduan ini adalah untuk memupuk cerpenis yang bertaraf dunia serta memberi pendedahan kepada para penulis cerpen yang berpotensi dalam pertandingan peraduan cerpen. Semua sumber kewangan untuk peraduan adalah terdiri daripada sumbangan ahli alumni Universiti Nanyang dan juga persatuan lain. Kerajaan kurang memainkan peranan dalam penganjuran peraduan ini.

Terdapat peserta yang merupakan pemenang dalam peraduan ini dan kemudian menjadi pengadil bagi peraduan ini. Ini menunjukkan peraduan ini telah berjaya memupuk mereka yang berpotensi supaya menjadi cerpenis bahasa Mandarin di negara ini. Dr Tan berkata, alumni Universiti Nanyang akan terus menganjurkan peraduan cerpen ini.

3.7 KAEDAH MENGANALISIS DATA DAN MENULIS HASIL KAJIAN

Untuk mengenalpasti metafora-metafora dalam cerpen-cerpen yang dikaji, penyelidik telah menggunakan pendekatan Hawkes (1972) untuk membezakan metafora-metafora bagi kumpulan pengumpamaan, “synecdoche”, dan metonimi.

3.7.1 PENGUMPAMAAN 比 喻

Pengumpamaan ialah metafora yang menggunakan persamaan yang wujud di antara dua objek untuk membuat penerangan. Titik fokusnya adalah pada sifat atau nilai yang sama yang wujud pada kedua-dua objek yang ingin diterangkan. Kata laluan yang wujud dalam ayat ialah “seperti”, “sama”, “macam” dan perkataan lain yang membawa makna “seperti”. Contohnya: Masa sembahyang adalah senyap seperti biarawati (Hawkes:1972:2).

Apabila terdapat perkataan yang membawa makna “seperti” (好像, 如, 像, 一样) dalam ayat cerpen yang dikaji, penyelidik akan menggariskan semua

ayat tersebut dan kemudian akan membuat analisis terhadap ayat tersebut untuk menentukan ayat itu adalah metafora.

3.7.2 “SYNECDOCHE” 借代

Perkataan “synecdoche” berasal dari perkataan Yunani “synekdechesthai” yang bermakna menerima dan menggabungkan (*to receive jointly*) . Proses pemindahan bagi objek yang disebutkan itu akan memindahkan elemen yang unik dari objek tersebut kepada objek yang lain. Contohnya: 10 tangan merujuk kepada 10 orang (Hawkes,1972:3). Dalam cerpen yang dikaji, penyelidik akan memberi perhatian kepada perkataan yang merupakan tenor. Tenor merupakan erti sebenar bagi sesuatu perkataan. Jenis metafora ini adalah menggunakan sifat atau sebahagian dari sesuatu objek untuk mewakili keseluruhan objek tersebut. Contohnya: guna “four wheel” untuk mewakili kereta. “Four wheel” merupakan sebahagian daripada kereta tetapi digunakan untuk mewakili sebuah kereta.

3.7.3 METONIMI 转喻

Perkataan “metonimi” berasal dari perkataan Yunani “metonymia” yang terdapat daripada “meta” yang bermakna berubah dan “onoma” yang bermakna nama. Nama bagi objek yang ingin disebutkan akan digantikan dengan nama objek yang lain. Metonimi ini selalunya melibatkan “personifikasi”. Contohnya

Mahkota mewakili Monarki (Hawkes:1972:3). Metafora jenis ini menggunakan objek lain untuk mewakili sesuatu objek. Jenis metafora ini melibatkan objek yang memainkan peranan sebagai tenor. Tenor merupakan objek yang dituturkan. Contohnya: Kamu ialah bulan saya “Kamu” adalah tenor, “bulan” ialah “vehicle” iaitu objek yang dikaitkan untuk menerangkan “kamu”(Rose, 1958:93)

Disebabkan penyelidikan ini merupakan penyelidikan deskriptif, data bagi metafora yang dikesani akan dijadualkan berdasarkan frekuensi dan peratusan. Data dan maklumat yang dikumpul akan dianalisis melalui beberapa tahap.

1) Mengenalpasti jumlah metafora yang wujud dalam buku cerpen mengikut tajuk

Penyelidikan kuantitatif digunakan untuk mengira jumlah metafora yang wujud dalam kelas kata nama dan kata sifat. Dengan bantuan graf dan jadual, penyelidik akan menyusun metafora yang dapat dikesani dari setiap cerpen. Metafora yang dikesani itu akan dicatat dalam angka mengikut tajuk cerpen. Satu graf dan satu jadual dihasilkan berdasarkan pengiraan metafora.

2) Mengategorikan metafora berdasarkan kategori kelas kata nama dan kelas kata sifat.

Sebelum mengetahui frekuensi metafora dalam kelas kata nama dan kata sifat, metafora dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu kelas kata nama dan kelas kata sifat. Satu jadual dan satu graf dihasilkan berdasarkan jumlah metafora yang didapati dalam kelas kata nama dan kata sifat.

3) Membahagikan metafora kepada pengumpamaan, “synecdoche” dan metonimi.

Metafora yang dikenalpasti dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu kumpulan pengumpamaan, kumpulan “synecdoche” dan kumpulan metonimi. Tujuannya adalah untuk mengetahui jenis metafora yang paling kerap wujud dalam buku cerpen yang dikaji.

4) Mengkaji kesan yang dibawa oleh metafora yang dikenalpasti.

Kesan-kesan metafora boleh dibahagikan kepada menjana kesan kesedihan, membentuk kesan keejekan dan mereka kesan kejenaakaan. Kesan yang dibawa oleh metafora itu dikenalpasti terutamanya melalui kritikan-kritikan pengadil terhadap cerpen-cerpen yang terdapat dalam buku cerpen yang dikaji. Kesan yang dapat dikenalpasti adalah terbahagi kepada 3 kumpulan iaitu kesan kesedihan, kesan keejekan dan kesan kejenaakaan. Melalui jadual dan graf, kekerapan bagi kesan-kesan tersebut akan dipersembahkan.

5) Analisis kualitatif dan kuantitatif.

Pendekatan kualitatif digunakan untuk menganalisis tema-tema cerpen yang dikaji dan juga kesan-kesan metafora yang dijana dalam cerpen yang dikaji. Analisis kuantitatif pula digunakan untuk mengkaji jumlah metafora kata nama dan kata sifat . Pendekatan kualitatif digunakan untuk menganalisis tema dan faktor penyebabnya, contohnya faktor gender akan menyebabkan cerpenis wanita lebih cenderung menulis cerpen yang bertema kasih sayang. Pendekatan kuantitatif pula digunakan untuk menyusun data yang dikumpul dalam graf, carta pai dan jadual.

3.8 KESIMPULAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan triangulasi iaitu satu kajian yang melibatkan beberapa pendekatan. Penyelidikan ini menggunakan kaedah temubual, kajian dokumen dan teks dan juga analisis data, secara kualitatif dan kuantitatif.

Pada awalnya, penyelidik mengenalpasti tajuk kajian yang dijalankan. Disebabkan penyelidik mempunyai minat yang agak besar dalam metafora maka penyelidik telah mengambil keputusan mengkaji metafora kata nama dan kata sifat dalam buku cerpen bahasa Mandarin.

Dengan menggunakan analisis kuantitatif dan kualitatif, penyelidik dapat menjalankan analisis dengan sempurna. Contohnya, tema cerpen dapat dianalisis melalui cara kualitatif dan jumlah metafora kata nama dan kata sifat dapat dikumpulkan melalui kaedah kuantitatif.